



Kewajipan Istiqamah

Daripada Abi Amrah Sufyan bin Abdillah RA katanya: Aku bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ! قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ. قَالَ: قُلْ أَمْنَتْ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقِمْ.

Maksudnya: "Hai Rasulullah, ajarlah kepadaku berkenaan Islam perkataan yang tidak perlu aku bertanya seseorang pun selainmu. Sabdanya: Katakanlah آمنت بالله ثم استقم iaitu aku beriman dengan Allah kemudian istiqamah."

Riwayat Muslim, al-Baihaqi dalam *al-Sunan* (1/76),
Ahmad dalam *Musnadnya* (5/371), dan al-Daraqutni
dalam *al-Sunan* (3/45)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Syeikh Uthaimin dalam syarah *Riyadh al-Salihin* berkata: Istiqamah ialah seseorang itu *thabit* mengikut syariat Allah SWT sebagaimana suruhan Allah dan didahuluiinya dengan ikhlas kepada Allah SWT. Walaupun disuruh beristiqamah mengikut kadar kemampuan tetapi mestilah berusaha supaya ia membetulkan dengan kebenaran.
2. Hadis ini juga menggesa supaya segala kebaikan atau amalan termasuk pekerjaan dan perkhidmatan yang dilakukan hendaklah dalam istiqamah dengan menghindarkan segala sifat-sifat *mazmumah* seperti malas, putus asa, semangat yang seketika dan mudah luntur kerana ia boleh menafikan maksud dan matlamat istiqamah.

3. Antara bentuk istiqamah ialah:
 - Melaksanakan segala yang wajib dengan mengikut sunnah Rasulullah SAW.
 - Menambahkan ibadat yang sunat.
 - Menjauhi perkara yang haram.
 - Melakukan tugas yang diamanahkan dengan berterusan dan konsisten.
4. Sebahagian ulama menyebut: Istiqamah dengan makna *thabit* atau *tetap* tanpa gundah gulana dan luntur semangat. Contohilah semut. Ketika mengambil gula di dalam botol meskipun kita mengusirnya, namun ia tidak lari sebelum mendapat gula tersebut. Dengan bersusah payah, akhirnya dia berjaya membawa gula yang lebih besar dari tubuhnya. Dari kehidupan binatang pun kita dapat menirunya. Semut yang tidak mempunyai akalpun boleh mencapai kejayaan apatah lagi kita manusia yang mempunyai akal!


Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan sia-siakan usia anda dengan sering bertukar ganti kerjaya dan pekerjaan. Sikap suka bertukar ganti seperti ini menunjukkan bahawa anda tidak pernah berjaya dalam apa jua hal pun.
- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan jadi seperti lalat yang hanya hinggap di atas luka. Jangan mempermainkan kehormatan orang lain, mengkotak katik aib mereka, merasa senang dan bahkan menginginkan kejatuhan mereka.

Kisah Teladan

Sebahagian pelajar Islam berpendapat bahawa sebuah hikmah yang sangat besar dengan sentiasa menghubungkan antara harapan dengan sebuah ketakutan daripada Allah SWT pengkhususan sebuah majlis hanya untuk membangkitkan rasa takut merupakan bentuk kekejaman terhadap pemikiran seorang Muslim. Akan tetapi rasa takut dan rasa mengharap semestinya dipadukan.

Orang-orang Perancis masuk ke negara al-Jazair dan membina sakan menara-menara Islam di sana. Maka salah seorang ulama al-Jazair (Abdul Hamid Badis) menerangkan kepada rakyat al-Jazair terhadap risiko dan pengaruh kemaksiatannya



supaya mereka meninggalkan minum arak, zina dan riba.

Namun apabila mendengar peringatan itu, mereka berputus asa daripada rahmat Allah sehingga mereka semakin bertambah membuat kemaksiatan. Maka ulama itupun kembali ke rumahnya dan berdoa kepada Allah supaya ditunjukkan kunci yang dapat memperbaiki hati orang-orang al-Jazair, supaya mereka kembali kepada Allah.

Akhirnya dia teringat, bahawa tidak ada kunci kecuali mengharap rahmat Allah, maka diapun menyampaikan sebuah ucapan yang sangat masyhur dari atas mimbar di bahagian selatan al-Jazair:

شَعْبُ الْجَزَائِرِ مُسْلِمٌ ❁ وَإِلَى الْعُرُوبَةِ يَنْتَسِبُ
 مَنْ قَالَ حَادَ عَنْ أُصْلِهِ ❁ أَوْ قَالَ مَاتَ فَقَدْ كَذَبْ

Bangsa al-Jazair adalah bangsa yang muslim,

Dan dia berhubung dengan bangsa Arab,

Barangsiapa yang mengatakan aku telah mengancamnya,

Maka hakikat itu kalah atau bohong.

Atau sebagaimana yang dikatakan. Kemudian dia mengatakan: Sesungguhnya rakyat al-Jazair tidak kembali kepada Allah kecuali apabila mereka memiliki rasa mengharap terhadap rahmat-Nya. Maka diapun menyampaikan hadis-hadis yang menjelaskan tentang taubat dan harapan serta keutamaan yang Allah berikan bagi orang-orang yang bertaubat kepada-Nya.

Maka tatkala mereka mengetahui bahawa ada Tuhan yang Maha Penyayang lagi Maha Pengampun, Maha Penerima taubat hambanya dan Maha Mengampuni dosa hambanya, akhirnya mereka pun masuk ke dalam agama Allah secara berpusu-pusu. Hanya dalam jangka masa satu tahun, mereka telah menghasilkan sejuta syuhada dan memukul mundur Perancis dengan segala kebongkakan serta kesombongan dan menenggelamkannya ke dalam bumi serta mengusir penjajah itu daripada negeri mereka.

Maksudnya, bahawa harapan itu adalah pintu yang sangat besar dan kunci untuk berjumpa dengan Allah SWT.

